

Headline **593 sertai kursus ibadah ke tanah suci**
Date **03 Mar 2011**
MediaTitle **Berita Harian (Johor)**
Section **News**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **231,163 / 1,368,000**

Language **Malay**
Page No **5**
Article Size **109 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **2,869**
PRValue **8,607**



593 sertai kursus ibadah ke tanah suci

KOTA TINGGI: Seramai 593 daripada 700 bakal haji sekitar daerah ini, hadir menyertai Kursus Asas Haji 1432 Hijrah anjuran bersama Pejabat Agama Islam Daerah dan Lembaga Tabung Haji (TABUNG HAJI) Kota Tinggi bertempat di Masjid Jamek Bandar Kota Tinggi di sini.

Kursus bersiri selama 17 minggu bermula minggu ini itu dijangka berakhir bulan Julai depan, membabitkan bakal haji dari lima masjid sekitar daerah ini Masjid Jamek Bandar Kota Tinggi, Bandar Penawar, FELDA Semencu, Gugusan FELDA Waha dan Bandar Tenggara.

Perasmian kursus yang bertujuan memberikan pendedahan dan kefahaman awal kepada setiap bakal haji

sebelum berangkat menunaikan Rukun Islam ke lima itu, disempurnakan Ahli Parlimen Kota Tinggi, Tan Sri Syed Hamid Albar.

Pengerusi Pengelola Kursus Asas Haji Zon Bandar, Abd Rahman Mokhtar, berkata selain bertujuan memberi penerangan dan panduan mendalam kepada bakal haji sebelum menunaikan

haji, mereka juga mengadakan latihan praktikal pada hari terakhir kursus seperti amalan tawaf, saie serta melontar jamrah.

Katanya, isi kandungan kursus juga membabitkan penyediaan diri dalam aspek keselamatan, kesihatan dan urusan perjalanan sepanjang bakal haji berada di Makkah.

"Aspek latihan amali turut diberi tumpuan, di mana bakal haji menerima tunjuk ajar mengenai pemakaian ihram, tawaf, saie dan tahalul," katanya.

Hadir sama Pegawai Tadbir Agama Daerah, Mohd Taufik Datuk Kiyai Shamsuddin dan Pengurus TABUNG HAJI cawangan Kota Tinggi, Fauzi Anwar.

